

04/04/2001

Pemimpin atasan Umno tidak campur tangan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, pemimpin atasan Umno tidak melarang sesiapa saja untuk bertanding merebut jawatan penting pada peringkat bahagian, dalam pemilihan sekarang.

Presiden Umno itu berkata, terpulang kepada masing-masing untuk berbuat demikian walaupun di sesetengah bahagian, ramai juga ketua bahagian yang berjaya mengekalkan jawatan tanpa dicabar.

"Tetapi ada juga bahagian yang berpendapat bahawa mereka perlu bertanding... kita tak larang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen selepas membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan Berita Harian semalam, bahawa 91 daripada 165 ketua bahagian Umno menang tanpa bertanding selepas 18,000 cawangan parti itu mengadakan mesyuarat bermula 1 Mac lalu hingga Sabtu lalu.

Selain Dr Mahathir (Kubang Pasu) dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Kepala Batas), tujuh menteri besar dan seorang ketua menteri serta sembilan menteri Kabinet dan tujuh timbalan menteri turut mengekalkan jawatan berkenaan.

(END)